

70 peratus penuntut di lapangan, bakinya pembelajaran dalam kelas

# Perlu ubah sukatan pendidikan TVET



Oleh **AHMAD SHAHERMAN**  
SHAMSURI dan **NUR FATIN ZAHRA**

**KUALA LUMPUR** – Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) disarankan untuk mengubah sukatan pendidikan dan kemahiran sedia ada bagi memperkukuhkan institusi itu pada masa hadapan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, perubahan itu perlu melibatkan semua institusi berkenaan yang mana pelaksanaan pembelajaran dalam kelas pada tahap 30 peratus sahaja.

“Baki 70 peratus lagi pelajar TVET perlu berada di bengkel, makmal dan latihan di on job training.”

“Dengan perubahan ini, ia akan memberikan pendedahan baharu kepada pelajar dan peserta TVET.”

“Saya juga merasakan ini satu



Majlis Pelancaran mynext TVET dan Pertukaran Dokumen Memorandum Kerjasama (MOC) Transformasi TVET Antara Kerajaan Dengan GLC dan Syarikat Swasta

Oleh,  
YAB Datu' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi  
Timbalan Perdana Menteri

**AHMAD ZAHID** (tengah) selepas merasmikan Majlis Pelancaran mynext TVET dan MOC Transformasi TVET Antara Kerajaan Dengan GLC dan Syarikat Swasta di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.

– FARIZ RUSADLO

peningkatkan untuk menentukan pasaran lulusan TVET ini akan lebih diterima oleh syarikat swasta, GLC (syarikat berkaitan kerajaan) dan juga syarikat multinasional yang memerlukan tenaga kerja mahir,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran mynext TVET dan pertukaran Memorandum Kerjasama (MOC) Antara Kerajaan, GLC dan Syarikat Swasta.

Pembangunan mynext TVET ini penting dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET, memperkukuh penawaran program di institusi TVET, dan seterusnya membantu majikan dalam mengenal pasti bakat yang bersesuaian menepati keperluan.

Menyusi platform ini juga, para pelajar akan berperluang melakukan analisa profil bagi melihat kecenderungan dan minat mereka untuk tujuan mencana luan kerjaya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, majlis itu adalah langkah susulan selepas pemeteraian 10 Memorandum Kerjasama pada 16 Mac, 14 Memorandum Kerjasama pada 26 Jun, dan 17 Memorandum kerjasama pada 5 Oktober yang lalu oleh Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

“Maka saya yakin penglibatan pihak kerajaan dan swasta ini akan dapat merealisasikan Dasar TVET Negara yang telah berada peringkat terakhir sebelum mendapat kelulusan Kabinet dan seterusnya kita akan lancarkan nanti sempena Hari TVET Negara,” ujarnya.

Tambah beliau, beberapa bidang baharu TVET juga akan dipertingkatkan antaranya termasuk kecerdasan buatan dan telekomunikasi.

“Sekarang ini kita berada di tahap 5G dan kita akan mencapai tahap 5.5G. Kita harus bersedia dan ini akan disediakan oleh tenaga mahir yang kita ada,” katanya.

TARIKH: 9/12/23  
SURAT KHABAR: Kosmo  
MUKA SURAT: 6